

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO POAY TIONG**  
**[ KOTA MELAKA ]**

**SOALAN NO. 220**

**Y.B. TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status pembinaan balai bomba di atas tanah lot 8823 Mukim Cheng, Melaka, secara kerjasama awam swasta se pertimana yang telah diluluskan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) pada tahun 2013.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil maklum bahawa terdapat keperluan mendesak supaya projek Pembinaan Balai Bomba Dan Penyelamat Kategori C Di Atas Tanah Lot 8823 Mukim Cheng, Melaka ini diteruskan segera atas kepentingan awam. Oleh itu, Kerajaan sedang meneliti pendekatan terbaik bagi melaksanakan projek ini termasuk melalui kaedah pertukaran tanah sebagaimana yang telah dipersetujui sebelum ini.